

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

Risalah Ma'al Hijrah
1437H / 2015M



جائتہ کما جواتہ اسلام ملیسیا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



DR. ZULFAQAR BIN MAMAT

PERPADUAN NADI TRANSFORMASI NEGARA

Risalah Ma'al Hijrah
1437H / 2015M



جائزہ کما جوار اسلام ملیسیا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Cetakan Pertama 2015

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Atur huruf dan Rekabentuk oleh:

Visual Print Sdn. Bhd.

No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1,

Alam Damai,

Cheras 56000 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

4

**PENDAHULUAN
SEKILAS TENTANG HIJRAH
DAN TRANSFORMASI NEGARA**

7

**RASULULLAH SAW
SEBAGAI MODEL
TRANSFORMASI NEGARA**

10

**KEKUATAN UMAT ISLAM
MELALUI PERPADUAN**

15

**PENGERAK
PERPADUAN KAUM
DI MALAYSIA**

18

PENUTUP



PENDAHULUAN



Risalah ringkas ini cuba menghuraikan secara tersusun tema sambutan Ma'al Hijrah pada tahun ini dengan memfokuskan kepada soal hijrah dan teras transformasi negara, seterusnya menyingkap peranan Rasulullah SAW sebagai contoh terbaik dalam merubah keadaan negara menjadi lebih cemerlang. Melalui kekuatan perpaduan yang dibina pada masa itu, menjadi sebab Islam telah berkembang dan terus kekal sebagai salah satu agama utama dunia pada masa kini. Hal ini seharusnya menjadi pemangkin kepada perpaduan yang terus dan sentiasa diterapkan dalam kalangan pelbagai kaum di Malaysia.



SEKILAS TENTANG HIJRAH DAN TRANSFORMASI NEGARA



Hijrah secara bahasa didefinisikan sebagai berpindah, meninggalkan suatu tempat pergi ke tempat lain. Sementara dalam konteks Tamadun Islam ia bermaksud perpindahan umat Islam dari Mekah ke Madinah untuk memperkukuhkan kedudukan Islam. Ulama' juga mendefinisikan hijrah sebagai perpindahan umat Islam dari negara kafir ke negara Islam. Dalam konteks yang lebih luas, hijrah juga diertikan sebagai perpindahan jiwa dari yang buruk kepada yang baik atau dari yang baik kepada lebih baik.

Hijrah dalam bentuk yang pertama iaitu perpindahan secara fizikal dari satu tempat ke satu tempat yang lain menurut ulama' mempunyai beberapa hukum mengikut situasi dan keadaan seperti berikut:

- Wajib, hijrah dilakukan apabila di suatu tempat dengan lingkungan yang tidak mendorong dan tidak selamat untuk menjalankan ibadah dan mendirikan syiar Islam kerana banyaknya musuh-musuh Allah.

Maka dalam keadaan seperti ini seseorang harus pindah ke tempat yang tenang untuk melakukan ibadah dan mendirikan tuntutan Islam.

- Sunat, apabila seorang individu yang sudah tinggal di suatu tempat yang tidak ada kebaikan untuk mendorong terlaksananya ibadah individu tersebut. Maka individu tersebut sebaiknya pindah ke tempat yang mendorongnya untuk melakukan ibadah dengan lebih baik.
- Makruh, hijrah yang makruh dilaksanakan adalah apabila seorang individu yang sudah tinggal di suatu tempat yang ramai ahli ilmu dan memberi kemanfaatan kepadanya dalam hal ibadah dan mendirikan syiar Islam, tetapi orang tersebut pindah dari tempat itu ke tempat lain yang tidak ada ahli ilmu dan tidak ada kebaikan untuk dirinya.
- Haram, hijrah yang haram adalah hijrahnya seseorang dari tempat yang aman dan sesuai untuk melakukan ibadah dan mendirikan syiar Islam, pindah ke tempat atau daerah yang tidak aman dan tenteram untuk menjalankan ibadah dan mendirikan syiar Islam.

Hijrah bentuk yang kedua iaitu penghijrahan rohani dan akhlak dari sikap yang buruk kepada sikap yang baik amat-amat dianjurkan oleh Islam. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud: *“Orang Islam adalah apabila kaum Muslimin selamat dari lisan dan tangannya, dan orang yang berhijrah adalah orang yang meninggalkan segala yang dilarang oleh Allah SWT kepadanya.”* (Riwayat Bukhari, Abu Daud dan an-Nasa’i).

Dalam konteks kenegaraan, makna hijrah yang lebih menepati ialah penghijrahan dari sudut kejiwaan iaitu dari yang buruk kepada yang baik, ia juga boleh mengambil pengajaran daripada semangat hijrah yang telah dirintis oleh Rasulullah SAW.

Peristiwa hijrah memaparkan kisah perjuangan Rasulullah SAW dan umat Islam dalam memperjuangkan agama Islam. Mereka sanggup meninggalkan segala kemewahan, harta benda dan keselesaan dunia untuk meninggikan agama Islam. Mereka tidak mengharapkan kejayaan dalam membangunkan negara dan ummah, tetapi ia dilalui dengan susah payah dan pengorbanan yang bukan sedikit dalam kalangan Muhajirin dan Ansar.

Kesanggupan mereka untuk berkorban, berkongsi harta benda kurniaan Allah SWT dan menceraikan salah seorang isteri untuk saudara seagama yang memerlukan adalah beberapa contoh kekuatan semangat dan persaudaraan yang telah ditanam kukuh ke dalam jiwa setiap orang Islam oleh Rasulullah SAW. Hal ini dirakam dalam al-Qur'an yang bermaksud: *“Dan orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan sangat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang yang berjaya.”* (al-Hasyr :9).

Menerusi pengorbanan dan semangat yang ditunjukkan oleh umat Islam pada ketika itu, tidak hairanlah kejayaan demi kejayaan berjaya direalisasikan sebaik sahaja negara Islam Madinah ditubuhkan oleh Baginda SAW.



RASULULLAH SAW SEBAGAI MODEL TRANSFORMASI NEGARA



Ketokohan Rasulullah SAW sebagai pemimpin negara Islam yang ulung sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Perkara ini telah diiktiraf oleh ramai tokoh akademik dulu dan kini melalui kajian dan penyelidikan yang telah dijalankan. **Michael H. Hart** dalam bukunya *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History* dengan tidak ragu-ragu telah meletakkan Nabi Muhammad SAW sebagai tokoh paling berpengaruh dalam sejarah ketamadunan manusia sejak zaman berzaman. Hal ini sebenarnya telah diterangkan oleh Allah SWT menerusi Firman-Nya yang bermaksud: *“Demi Sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredhaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”* (al-Ahzab:21).

Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang sangat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas Baginda sama ada sebagai utusan Allah, pemimpin masyarakat, ketua keluarga dan sahabat kepada kenalannya. Setiap tindakan yang diambil adalah berdasarkan wahyu atau perintah Allah SWT. Baginda SAW tidak mengikut gerak hati dalam membuat keputusan untuk satu-satu perkara bahkan mengikut wahyu Allah SWT.

Kepimpinan Rasulullah SAW sebagai ketua negara terserlah dan berjaya ketika memimpin negara Islam Madinah. Baginda SAW telah berjaya mengubah corak pemerintahan sedia ada kepada sebuah pemerintahan Islam yang sistematik dan berperlembagaan. Antara perkara awal yang dibuat oleh Rasulullah SAW dalam memulakan negara Islam Madinah ialah mendirikan masjid yang di kenali sebagai Masjid Nabawi. Dari sinilah terpancarnya cahaya Islam, pancaran ilmu, keharmonian ihsan dan ketinggian akhlak umat Islam di seluruh pelosok dunia. Di samping itu Baginda SAW telah

menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, pusat pemerintahan dan pentadbiran negara, nadi gerakan Islam dan penggerak kegiatan masyarakat, tempat menuntut hak dan keadilan, markas tentera dan pertahanan, pusat kebajikan, gedung ilmu serta pusat hubungan dengan Allah SWT dan hubungan manusia sesama manusia.

Seterusnya, Baginda SAW telah mencanangkan perpaduan sebagai agenda dengan mengambil beberapa langkah penting bagi mengatur masyarakat Madinah pada ketika itu. Baginda SAW telah menyatukan puak-puak Aus dan Khazraj di Madinah yang sekian lama bersengketa yang kemudiannya dikenali sebagai golongan Ansar. Selanjutnya Baginda SAW mempersaudarakan kaum Muhajirin yang berhijrah dari Mekah dan Ansar, selain membuat perjanjian dengan kaum Yahudi Madinah dan beberapa kaum lagi untuk memastikan persefahaman antara semua ahli masyarakat terjalin tanpa membezakan kaum, bangsa dan agama. Sama-sama berganding bahu mentaati Baginda SAW sebagai langkah membentuk kesatuan ummah dan perpaduan kaum di negara Islam Madinah.

Transformasi negara Islam Madinah dikuatkan lagi dengan termeterainya Piagam Madinah yang dianggap sebagai perlembagaan pertama seumpamanya yang membentuk dasar-dasar penting sebuah negara Islam yang menempatkan penduduk dari pelbagai bangsa dan agama. Piagam ini secara umumnya bertujuan untuk menyusun kehidupan masyarakat Madinah supaya lebih tersusun aturannya, bertambah kukuh perpaduannya dan mampu menghadapi ancaman atau tentangan dari luar Madinah.

Piagam ini menampakkan kewibawaan Rasulullah SAW sebagai negarawan yang bijaksana. Fasa-fasa dalam piagam tersebut telah dirangka sedemikian rupa bagi menunjukkan tanggungjawab pemerintah dan orang yang diperintah, perundangan, pentadbiran keadilan, susunan pertahanan, kedudukan ketua negara, layanan terhadap orang bukan Islam, jaminan kemasyarakatan dan pembentukan ummah.

Perubahan fizikal yang dibawa oleh Rasulullah SAW di Madinah tidak lengkap tanpa melihat kepada sikap dan akhlak Baginda SAW dalam memimpin dan mentadbir negara. Menerusi sikap terpuji yang sebati dengan diri Baginda SAW maka pentadbiran negara dapat diurus dengan lebih cekap

dan berkesan. Antaranya Rasulullah SAW mengutamakan mesyuarat dalam setiap keputusan kepimpinannya. Baginda SAW bukan jenis pemimpin yang melakukan sesuatu mengikut keputusan sendiri sebaliknya sentiasa meminta pendapat daripada sahabatnya. Abu Hurairah pernah berkata: *“Belum pernah ku lihat orang yang paling banyak melakukan musyawarah dengan teman-temannya sebagaimana Rasulullah SAW.”* Rasulullah SAW telah mengadakan mesyuarat mengenai cara tindakan yang akan diambil terhadap 70 orang tawanan perang Badar, Saidina Abu Bakar as-Siddiq mencadangkan supaya tawanan dikenakan tebusan manakala Saidina ‘Umar al-Khattab pula menyatakan supaya tawanan dibunuh. Akhirnya Rasulullah SAW mengambil keputusan sesuai dengan pendapat Saidina Abu Bakar as-Siddiq. Hasil daripada tindakan tersebut, Rasulullah SAW telah memanfaatkan banyak perkara antaranya menggunakan khidmat tenaga pengajar dalam kalangan tawanan perang Badar selain menggunakan al-Qur’an sebagai sumber pendidikan yang utama dan hadith sebagai sumber pendidikan kedua.

Rasulullah SAW juga seorang pemimpin yang dinamik dan juga sebagai pemimpin tidak hanya tahu mengarah, tetapi turun padang bersama-sama para sahabat RA dan masyarakat Madinah yang lain. Baginda SAW bersama-sama masyarakat merasai susah payah mereka dalam melayari kehidupan dan perjuangan. Baginda juga turut serta dalam pelbagai peperangan bersama-sama para sahabat RA dan bukan hanya menjadi orang yang memerintah sahaja malah sebagai ketua panglima angkatan tentera Islam. Sebagai contoh Baginda SAW memimpin tentera Islam dalam peperangan Uhud, sehingga menyebabkan Baginda SAW mendapat kecederaan dalam peperangan tersebut.

Sikap pemaaf Baginda SAW juga menjadi tarikan kepada orang bukan Islam mendekati dan seterusnya menjadi pengikut Islam yang setia. Abu Sufian selaku ketua kaum Quraisy ketika peristiwa pembukaan Kota Mekah beliau ditangkap oleh al-Abbas ketika sedang mengintip tentera Islam di Marr al-Zahran, beliau terus dibawa bertemu dengan Rasulullah SAW, kemudian Baginda meminta beliau memeluk Islam. Abu Sufian berkata kepada Rasulullah SAW: *“Engkau memang seorang yang sopan,*

mulia dan suka menghubungkan persaudaraan. Tetapi tentang ini jiwaku masih bersimpang siur.” Atas nasihat al-Abbas beliau akhirnya memeluk Islam, begitulah kebijaksanaan Rasulullah SAW apabila berhadapan dengan pihak musuh.

Demikianlah beberapa sikap dan akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam mentadbir negara. Melalui pegangan Islam yang tersemat kukuh dalam dada, semangat perpaduan yang dibentuk antara masyarakat Islam dan bukan Islam, ditambah dengan akhlak mulia Rasulullah SAW itu sendiri yang menjadi cerminan keindahan Islam menyebabkan negara Islam Madinah yang baru bermula dipandang tinggi oleh musuh-musuh Islam pada ketika itu.



KEKUATAN UMAT ISLAM MELALUI PERPADUAN



Sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi, antara kunci utama kemakmuran bumi Madinah semasa Rasulullah SAW memegang tampuk pemerintahan ialah perpaduan dalam kalangan masyarakatnya.

Agenda perpaduan semasa pemerintahan Baginda SAW telah dilaksanakan melalui beberapa cara, iaitu dengan membina pusat pentadbiran dan urusan pemerintahan yang berpusat di masjid, merangka dasar bernegara dengan memperkenalkan Piagam Madinah, melaksanakan dasar pemulihan ekonomi melalui pendekatan ekonomi seimbang dan jauh dari riba'. Amalan sedekah, zakat dan seumpamanya juga digalakkan demi menjana pendapatan negara dan akhirnya Nabi SAW tentu sekali tidak melupakan aspek penting dalam perpaduan iaitu menyatukan hati-hati manusia melalui tautan aqidah Islamiah yang teguh dan membina hubungan harmoni sesama manusia.

Umat Islam pada hari ini perlu menoleh sejenak ke belakang untuk melihat kembali aspek-aspek yang diberi penekanan oleh Nabi SAW semasa menjayakan agenda perpaduan di negara Islam Madinah. Aqidah

Islam yang menjadi tunjang utama negara Islam perlu diperkuat dan diperkasa penghayatan dan amalannya. Ia merupakan subjek utama yang menjadi tugas para Nabi dan Rasul diutuskan ke dunia ini, termasuk Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dialah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang (Arab) yang ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan kekuasaan dan keesaan-Nya) dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajar kepada mereka kitab Allah (al-Qur’an) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syara’). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad SAW) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.”* (al-Jumu’ah:2).

Melalui aqidah yang benar yang dibawa oleh Nabi SAW maka umat Islam boleh bersatu di atas jalan yang lurus, iaitu berpegang dengan aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ia merupakan aqidah orang yang mengikuti sunnah Nabi SAW dan berpegang teguh dengannya dalam semua perkara yang di atasnya Nabi SAW berada dan juga para sahabatnya RA.

Malaysia secara jelas menyatakan pegangannya adalah Islam yang berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ini dinyatakan dalam keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJFK) yang bersidang pada 5 Mei 1996 yang telah menetapkan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari segi aqidah, syariah dan akhlak, memperakukan bahawa ajaran Islam yang lain dari pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah bercanggah dengan hukum syara’ dan undang-undang Islam dan semua umat Islam di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang Islam hukum syara’ yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja.

Sehubungan itu, penyebaran fahaman selain Ahli Sunnah Wal Jamaah perlu dibentasi untuk mengelakkan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Penyebaran aqidah yang salah dalam kalangan umat Islam di negara ini merupakan salah satu faktor yang boleh memecahbelahkan perpaduan. Keburukan yang berupa perpecahan dan permusuhan dalam kalangan umat

Islam akan mudah berlaku jika aspek aqidah tidak diberi perhatian yang kemudiannya menyebabkan merebak ajaran atau fahaman yang lain dalam masyarakat. Fahaman-fahaman lama dan juga baru seperti Syiah, Islam liberal, anti hadith dan ajaran-ajaran sesat lain yang bertopengkan agama perlu disekat penyebarannya dalam kalangan masyarakat.

MJFK yang berperanan sebagai penyelaras fatwa di peringkat pusat telah memutuskan beberapa ketetapan hukum mengenai pengharaman fahaman-fahaman seumpama ini untuk membolehkan pihak jawatankuasa fatwa di peringkat negeri mewartakannya, seterusnya mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka yang bersalah menyebarkannya. Antara keputusan hukum yang telah difatwakan ialah berkaitan ajaran Syiah, aliran pemikiran liberal, kumpulan Black Metal, kumpulan Tal Tujuh dan lain-lain.

Kajian yang telah dibuat menunjukkan tahap penerimaan Jawatankuasa Fatwa Negeri-Negeri terhadap isu hukum berkaitan aqidah adalah baik. Mereka berpandangan bahawa soal ini perlu ditangani secara bersama. Jawatankuasa Fatwa Peringkat Negeri juga pada kebiasaannya menerima pakai fatwa aqidah yang telah diputuskan oleh MJFK. Kajian dari tahun 2000 hingga 2009 yang dijalankan terhadap 20 fatwa dalam bidang aqidah yang dikeluarkan oleh MJFK sebanyak 19 fatwa telah dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri iaitu 9 fatwa telah berjaya diwartakan. Ia menggambarkan bahawa soal aqidah umat Islam sangat dititikberatkan oleh pemerintah demi memastikan kelangsungan agama Islam di negara ini berterusan yang tentunya boleh menjayakan agenda perpaduan.

Sebarang percubaan untuk memesongkan aqidah umat dari fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah akan disiasat dan dipastikan kesahihannya. Sekiranya terbukti bersalah, mereka yang terlibat dengan ajaran sesat atau salah ini boleh didakwa di bawah pelbagai peruntukan Enakmen Jenayah Syariah yang terdapat di negeri-negeri seluruh Malaysia, antaranya seperti yang ada dalam seksyen 4(1), 7(1), 8(a)(b), 9, 13(1), 14(1), 16(1)(a) dan 20 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995.

Selain memastikan perpaduan melalui kesatuan aqidah, perpaduan antara sesama masyarakat Islam melalui kesatuan pemikiran juga perlu ditekankan. Walaupun kepelbagaian pendapat atau pandangan adalah suatu yang lumrah dalam kehidupan bermasyarakat, tetapi perbezaan itu hendaklah atas dasar ilmiah dan menepati syarat-syarat perbezaan pendapat yang dibenarkan, iaitu;

- Perbezaan berlaku dalam memahami dalil *zanni* yang berkemungkinan menimbulkan perbezaan pendapat.
- Perbezaan itu muncul dari orang yang berilmu dan ahli ijtihad yang melibatkan masalah-masalah yang diperselisihkan.

Perbezaan tanpa asas ilmu dan berdasarkan emosi semata-mata adalah perbezaan yang tercela dan boleh membawa perpecahan. Allah SWT telah mengingatkan kita melalui firman-Nya yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu menjadi seperti orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai-berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh Nabi-Nabi Allah). Dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh seksa yang besar.”* (Ali ‘Imran:105).

Sehubungan itu, tindakan sesetengah pihak yang mempersoalkan hukum hakam agama yang dikeluarkan oleh badan-badan berautoriti tanpa sebarang hujah atau dengan hujah yang dangkal atau berdasarkan pemikiran akal semata-mata tanpa meraikan adab al-ikhtilaf sebenarnya boleh menjerumuskan ummah dan negara ke arah perpecahan. Sejarah menunjukkan banyak pertelingkahan dan perpecahan berlaku disebabkan perselisihan mazhab atau fahaman ini, antara ketaksuban mazhab yang paling jelas ialah apabila jemaah yang melaksanakan solat fardu dibahagikan/berpecah kepada empat kumpulan di Masjid al-Haram. Perkara ini dikatakan berlaku sebelum tahun 1342H/1924M di hadapan Kaabah *al-Musharrafah*.

Jika diperhatikan, perkara ini turut berlaku di Malaysia dalam skala yang kecil melibatkan pegangan politik tertentu seperti solat dua imam, tidak hadir kenduri pihak lain dan seumpamanya. Perkara ini sepatutnya boleh dihindari jika masyarakat patuh kepada pandangan pihak yang berautoriti yang lebih berhak untuk mengeluarkan pandangan dalam hal ini, sebagaimana kaedah masyhur yang bermaksud: “*Keputusan hakim (pemerintah) akan memutuskan perselisihan.*”

Sikap tidak ikhlas, terlampau taksub kepada mazhab atau aliran tertentu dan memandang rendah kepada orang lain adalah antara sifat tercela yang perlu di jauhi dalam menguruskan perbezaan pendapat. Ambillah teladan yang telah ditunjukkan oleh para imam mazhab yang empat, meskipun mereka berbeza pendapat dalam banyak perkara, contohnya perbezaan dalam masalah membaca secara *jahr* (kuat) ‘*basmalah*’ dalam solat, bacaan qunut dalam solat subuh, bersentuhan lelaki dan perempuan yang mahram (halal berkahwin) dalam keadaan berwuduk, wuduk kerana hidung berdarah, muntah atau berbekam dan sebagainya, namun kesemua ini tidak menghalang mereka dari menunaikan solat berimamkan antara satu dengan yang lain, sebagaimana imam Abu Hanifah, as-Syafi’i dan imam-imam yang lain tidak keberatan bersolat di belakang imam-imam bermazhab Maliki di Madinah sekalipun mereka tidak mewajibkan bacaan *basmalah* langsung sama ada secara *jahr* (terang) atau *sirr* (perlahan).



PENGGERAK PERPADUAN KAUM DI MALAYSIA



Kepelbagaian kaum, bangsa dan agama dalam sesebuah negara mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Allah SWT dalam surah al-Hujurat telah menerangkan kepada kita bahawa kepelbagaian jenis, bangsa dan puak adalah untuk saling kenal mengenali dan berkongsi keunikan antara satu sama lain.

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah agama sejagat. Ia bukan untuk kaum atau bangsa tertentu sahaja, bahkan ajarannya mencakupi semua manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”* (al-Anbiya’:107).

Ajaran Islam mengajar penganutnya untuk mengiktiraf agama lain. Islam bukan diasaskan berdasar paksaan, tetapi ia hadir melalui hidayah yang dikurniakan Allah SWT. Umat Islam dan bukan Islam yang hidup di bawah negara Islam adalah sama dari segi hak dan kewajipan terhadap negara. Harta dan darah mereka terjaga sebagaimana terjaganya darah dan harta orang Islam. Bahkan, Rasulullah SAW menyatakan dalam banyak hadith, bahawa sesiapa yang menyakiti orang kafir zimmi sama keadaannya dengan menyakiti orang Islam.

Pendekatan Islam memupuk perpaduan dalam masyarakat majmuk adalah syumul dan menyeluruh yang boleh diterimapakai dalam semua keadaan. Antara prinsip asas yang mesti dalam perpaduan kaum ialah nilai-nilai murni yang universal dan boleh dihayati secara bersama. Antara nilai-nilai tersebut yang mampu memupuk perpaduan ialah kasih sayang, toleransi dan persefahaman.

Dasar kasih sayang dalam perhubungan antara manusia akan mewujudkan persaudaraan, bekerjasama dan sikap saling bantu-membantu. Sementara sifat kedengkian akan menimbulkan permusuhan, konflik dan persaingan yang tidak adil. Islam dalam ajarannya sentiasa menekankan hubungan harmoni sesama manusia, kerana semua manusia pada asalnya makhluk yang berpunca dari penciptaan yang sama iaitu Adam AS. Nabi SAW dalam khutbahnya yang panjang semasa *Hajjat al-Wada'* telah bersabda yang bermaksud: "... *Wahai manusia, sesungguhnya Tuhan kamu satu, bapa kamu juga satu. Semua kami dari Adam, dan Adam dari tanah. Manusia yang paling mulia di sisi Allah ialah yang paling bertakwa dalam kalangan kamu. Tiada kelebihan orang Arab ke atas orang Ajam (selain Arab) kecuali dengan taqwa.* Nabi SAW berkata; "*Adakah aku telah sampaikan... Ya Allah saksikanlah,*" maka orang ramai berkata; "*Ya*". Nabi SAW seterusnya berkata: "*Maka orang yang menyaksikan ini hendaklah menyampaikan kepada yang tidak hadir.*"

Sifat toleransi pula merupakan syarat bagi setiap ahli masyarakat majmuk yang menginginkan kehidupan yang aman dan tenteram. Apabila wujud interaksi dan persefahaman yang baik dalam kalangan masyarakat beragama dan berlainan budaya ini, ia akan membentuk masyarakat yang harmonis. Firman Allah SWT bermaksud: "*Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang yang berlaku zalim di antara mereka; dan katakanlah (kepada mereka): "Kami beriman kepada (al-Qur'an) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu adalah satu; dan kepada-Nya-lah, kami patuh dan berserah diri.*" (an-'Ankabut:46).

Persefahaman dalam masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang bangsa dan agama juga sangat penting untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan kaum. Sensitiviti setiap agama dan bangsa perlu didedahkan agar masing-masing faham tuntutan agama masing-masing dan pantang larang serta adat kaum masing-masing. Pendedahan ini boleh dilakukan melalui sistem pendidikan, media dan berdialog mengikut batas-batas yang tertentu. Allah SWT berfirman yang bermaksud: "*Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak*

memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.” (al-Mumtahanah: 8).

Ayat ini memperlihatkan bagaimana Islam amat mementingkan hubungan antara manusia walaupun dengan orang yang bukan Islam sebagai cara mewujudkan keamanan negara. Malah sikap adil dalam kehidupan ini merupakan aspek nilai sejagat yang perlu dikongsi bersama tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan.



PENUTUP



Semangat hijrah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW perlu dihayati sebaik-baiknya oleh umat kebelakangan ini. Peristiwa hijrah telah membuka lembaran baru kepada pemerintahan negara Islam yang terbaik. Banyak iktibar yang dapat diambil dari peristiwa hijrah yang menunjukkan kegigihan Rasulullah SAW dan para sahabat RA memperjuangkan dan mengembangkan agama Islam ke tahap yang lebih cemerlang.

Sebagai model yang mengagaskan transformasi negara Islam Madinah, Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh terbaik dalam mentadbir negara menurut aturan yang dipandu wahyu Allah SWT, dengan membentuk sistem pentadbiran yang sistematik, mempersaudarakan antara orang Islam dan membuat perjanjian dengan bukan Islam untuk sama-sama mempertahankan kedaulatan negara, memulihkan ekonomi dan menjamin keamanan berkekalan. Rasulullah SAW bukan hanya menumpu aspek fizikal semata-mata, bahkan menunjukkan model terbaik dalam perbuatan Baginda SAW sendiri, sentiasa turun padang, bermesyuarat dan meminta pendapat serta membuat keputusan secara saksama. Bersikap pemaaf dan sentiasa mencari kebaikan dalam tindakannya.

Antara kunci utama kekuatan Madinah semasa itu ialah perpaduan yang utuh dalam kalangan masyarakatnya. Keutuhan itu terserlah melalui perpaduan dalam aqidah bagi sesama Islam dan juga perpaduan pemikiran, bersatu hati mempertahankan agama dan negara dari anasir-anasir yang merosakkan.

Rakyat Malaysia terutama yang beragama Islam dan juga penganut agama lain seharusnya mengambil nilai-nilai positif dari penghijrahan Rasulullah SAW dan umat Islam. Peluang berada dalam kepelbagaian hendaklah dimanfaatkan untuk menyokong antara satu sama lain, bukan meruntuhkannya. Nilai-nilai universal yang baik yang juga diiktiraf oleh agama Islam seperti berkasih sayang, bertoleransi dan saling memahami sesama anggota masyarakat dalam perkara-perkara yang dibenarkan sepatutnya disubur dan diamalkan, yang tentunya akan menambah semangat perpaduan dalam negara yang tercinta ini.



RUJUKAN



- Al-Qur'an al-Karim Abdullah Basmeih, 2013, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. 1993. Beyrut. Muassasah al-Risalah.
- Al-Alwaniy, Taha Jabir Fayyad. 1987. *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*. Herndon, USA: Al-Ma'ahad al-Alamiy li al-Fikr al-Islamiy. Cet. Ke 3.
- Al-Ayad, Ahmad et.al, t.th. *al-Mujam al-Arabi al-Asasi*. Laros, t.tpt.
- Basri bin Ibrahim al-Hasani al-Azhari. 2009. *Adab Ikhtilaf; Formula Mengekalkan Perpaduan Ummah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995* dlm. http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/7b9650d84cbe7ea048257057000254e8?OpenDocument
- Hafiz Firdaus Abdullah. *Pedoman-Pedoman Bermazhab dalam Islam* dlm. <http://hafizfirdaus.com/ebook/PedomanMazhab/Chap6.php> 23 Julai 2015.
- Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Jilid 1, 2 & 3*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ibnu Ismail. *Kepimpinan Rasulullah SAW Sebagai Role Model* dlm. http://mahamadismail.blogspot.com/2011/12/keimpinan-rasulullah-saw-sebagai-role_26.html 15 Julai 2015.
- Michael H. Hart. *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*, 1978 (Revised Edition, 1992).
- Mohd Aizam Mas'od. *Perpaduan Nadi Transformasi Negara (Risalah Khas Sempena Sambutan Maal Hijrah 1436H)*. 2014. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad bin Ismail al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. 1993. Dimashq dan Beirut. Dar Ibn Kathir.
- Suzalie bin Mohamad. *Kerjasama dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Mendukung Dasar Kerajaan* dlm. <http://www.ikim.gov.my/index.php/en/berita-harian/7458-kerjasama-dan-perpaduan-masyarakat-majmuk-mendukung-dasar-kerajaan> 24 Julai 2015.
- Zulfaqar bin Mamat. *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia: Kajian Terhadap Penerimaan dan Penolakan di Peringkat Negeri*. 2013. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulfaqar Mamat dan Ahmad Tarmizi Mahmud. *Perpaduan Nadi Transformasi Negara (Risalah Khas Maulidur Rasul SAW 1436H/2015)*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Aras 4-9, Blok D7 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62519 Putrajaya,

Tel: 03-8886 4000

Faks: 03-8889 2039

www.Islam.gov.my

Edaran Percuma